

HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU

FASAL 153 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

MUKADIMAH

ISU tentang Hak dan Keistimewaan Orang Melayu seringkali terpacul apabila membincangkan masalah dan dilema masyarakat Melayu tidak kira daripada sudut sosial, ekonomi mahupun politik bangsa Melayu di negara ini. Apa yang menjadi persoalan, setelah hampir 50 tahun Malaysia yang dulunya dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu, mencapai kemerdekaan dari cengkaman penjajah Inggeris, Perlembagaan Persekutuan masih lagi tidak difahami oleh pihak-pihak tertentu khususnya oleh bukan Melayu.

Tidak hairanlah ketika berlangsung persidangan, perbincangan dan perdebatan dalam sesuatu isu, maka timbul satu tuntutan, keputusan dan persetujuan yang seolah-olah cuba mempersoalkan hak orang Melayu yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan negara. Sebagai warganegara, isu sebegini amat sensitif untuk dibincangkan kerana boleh menyinggung perasaan antara satu sama lain, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan latarbelakang keturunan.

Disini, Era Baru menyiarkan kembali satu pernyataan daripada seorang Peguam. Saudara Zainur Zakaria yang cuba memperingatkan kembali tentang Hak dan Keistimewaan Orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pernyataan ini diedarkan ketika berlangsungnya satu kongres di ibu negara, baru-baru ini. Segala yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan seharusnya menjadi garis panduan oleh semua pihak sebelum membuat keputusan atau tuntutan. Sama-sama kita ikuti.

Oleh: ZAINUR ZAKARIA

DALAM usaha Kerajaan membentuk satu masyarakat Malaysia yang bertamadun dan maju, satu topik yang sentiasa hangat diperbincangkan malah dipertikaikan oleh rakyat Malaysia yang bukan keturunan Melayu; ialah perkara hak keistimewaan orang Melayu (Malay Special Privilege).

Mereka berhujah bahawa kewujudan hak keistimewaan Melayu ini menjejaskan pembentukan negara Malaysia yang saksama dan adil berteraskan konsep meritokrasi.

Tidak dinafikan bahawa kewujudan hak istimewa Melayu ini yang bertujuan mempertingkatkan kedudukan orang Melayu di negara ini tidak begitu berjaya.

Kegagalan pencapaian matlamat yang disasarkan bukan kerana dasar, tetapi kerana perlaksanaan. Ini di bukti dari kajian yang dibuat. Di samping itu, ada pihak-pihak tertentu yang sudah berani mempertikaikan hak keistimewaan Melayu ini atas sebab kononnya Negara kita sudah dewasa dan hak ini tidak perlu dikekalkan.

Mereka sering memperingatkan kita bahawa hak keistimewaan orang Melayu wujud ekoran daripada satu "kontrak Sosial" (social contract) yang dipersetujui semasa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Dalam soal ini, ada kemungkinan di antara mereka ini yang kurang jelas dalam fahaman mereka tentang kedudukan hak keistimewaan orang Melayu dan bumi putra di Negeri Borneo sepertimana diperuntukkan dalam Fasal 153 Perlembagaan Persekutuan. Salinan fasal 153 dilampirkan.

Kewujudan dan kedudukan hak keistimewaan orang Melayu telah lama diakui dan diiktiraf. Dalam laporan yang disediakan oleh **Federation of Malaya Constitutional Commission 1956 - 1957** yang dikenal sebagai **Reid Commission**, hak keistimewaan orang Melayu telah diakui dan diiktiraf sebagai satu hak asasi (fundamental right), sebelum merdeka.

Bagi memahami dengan lebih jelas kedudukan hak keistimewaan orang Melayu, saya ingin merujuk kepada bahagian-bahagian laporan tersebut. Salinan bahagian-bahagian laporan berkenaan dilampirkan bersama. Wa laubagaimanapun saya akan secara ringkas petik bahagian-bahagian tersebut:-

3. The, members of the Commission were appointed in the name of Her Majesty the Queen and Their Highnesses the Ruler's with terms of reference as follows:

To examine the present constitutional arrangements throughout the Federation of Malays, taking into account the positions and dignities of Her Majesty the Queen and of Their Highnesses the Rulers: and

To make recommendations for a federal form of constitution for the whole country as a single, self-governing unit within the Commonwealth based on Parliamentary democracy with a bicameral legislature, which would include provision for:

(i) **the establishment of a strong central government with the States and Settlements enjoying a measure of autonomy (the question of the residual legislative power to be examined by, and to be the subject of the recommendations by the Commission) and with machinery for consultation between the central Government and the States and Settlements on certain financial matters to be specified in the constitution;**

(ii) **the safeguarding of the position and prestige of Their Highnesses as constitutional Rulers of their respective States;**

(iii) **a constitutional Yang di-Pertuan Besar (head of State) for the Federation to be chosen from among Their Highnesses the Rulers;**

(iv) **a common nationality for the whole of the Federation;**

(v) **the safeguarding of the special position of the Malays and the legitimate interests of other communities."**

Jelas bahawa satu daripada tugas Suruhanjaya Reid tersebut iaitu Section 3(v), adalah untuk melindungi hak keistimewaan orang Melayu. Ini berarti hak tersebut telah wujud sebelum Suruhanjaya Reid ditubuhkan dan Suruhanjaya ini ditugaskan untuk memastikan bahawa hak ini dipelihara dan dilindungi.

Ini juga berarti bahawa hak ini tidak timbul atau wujud ekoran daripada satu kontrak sosial yang dikaitkan dengan persetujuan yang dibuat semasa Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 ataupun ekoran daripada kompromi dengan kaum-kaum yang bukan Melayu.

Hak keistimewaan orang Melayu ini bukan sahaja wujud sebelum merdeka, ianya diiktiraf sebagai hak asasi (fundamental right), sebelum itu. Ini diiktiraf dan diperakui dalam laporan Suruhanjaya Reid, Perkara ini disebut dibawah S.163 dan 164 Chapter IX - Fundamental Rights - Constitutional Guarantees: yang berbunyi:-

"The special Position of the Malays

163. Our terms of reference require that provision should be made in the Constitution for the 'safeguarding of the special position of the Malays and the legitimate interests of other Communities'. In addition; we are asked to provide for a common nationality for the whole of the Federations and to ensure that the Constitution shall guarantee a democratic form of Governments.

In considering these requirements it seemed, to us that a common nationality was the basis upon which a unified Malayan nation was to be created and that under a democratic form of Government it was inherent that all the citizens of Malaya, irrespective of race, creed or culture, should enjoy certain fundamental rights including equality before the law.

We found it difficult, therefore, to reconcile the terms of reference if the protection of the special position of the Malays signified the granting of

Maka adalah jelas menurut laporan S.163 dan S.164 bahawa hak keistimewaan orang Melayu bukan sahaja wujud sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, malahan hak tersebut sudah wujud dan diiktiraf dalam perjanjian (treaties) asal yang dimeterikan di antara pihak penjajah British dan Raja-Raja Melayu "

special privileges, permanently, to one community a permanent advantage over the others was "realized by the Alliance Party, representatives of which, led by the chief Minister, submitted that in an independent Malaya all nationals should be accorded equal rights, privileges and opportunities and there must not be discrimination on grounds of race and creed...." The same view was expressed by their Highnesses in their memorandum, in which they said that they 'look forward to a time not too remote when it will become possible to eliminate Communalism as a force in the political and economic life of the country', (emphasis added)

164. When we came to determine what is 'the special position of the Malays' we found that as a result of the original treaties with the Malays States, reaffirmed from time to time, the special position of the Malays has always been recognized. This recognition was continued by the provisions of cl 19(l)(d) of the Federation Agreement, 1948, which made the High Commissioner responsible for safeguarding the special position of the Malays and the legitimate interests of other communities. We found that there are now four matters with regard to which the special position of the Malays is recognized and safeguarded:" (emphasis added)

Maka adalah jelas menurut laporan S.163 dan S.164 bahawa hak keistimewaan orang Melayu bukan sahaja wujud sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, malahan hak tersebut sudah wujud dan diiktiraf dalam perjanjian (treaties) asal yang dimeterikan di antara pihak penjajah British dan Raja-Raja Melayu.

Maka apabila diteliti, jelas bahawa hak keistimewaan orang Melayu adalah satu *"fundamental legal right"* atau hak asasi dari segi undang-undang yang telah wujud sebelum Merdeka.

Semua pihak yang terlibat dalam usaha mengubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menjelang Merdeka sedar, akui dan mengiktiraf kewujudan hak ini dan perlunya ia dipelihara dan dilindungi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Hak ini menjadi satu daripada asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka, dan kekal sehingga hari ini sebagai satu hak asasi atau *'fundamental right'* yang dijamin oleh Perlembagaan.

Hak ini tidak timbul dari satu kontrak sosial, dan tidak seharusnya dan seterusnya diertikan sebagai hak yang wujud ekoran daripada satu persefahaman atau perjanjian semasa negara kita ini berusaha mencapai kemerdekaan.